

NO. SOALAN : 470

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik mengenai harta, tanah perkuburan dan pembiayaan bagi masyarakat Hindu di Malaysia. :-

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil bancian pada tahun 2010 hingga 2015 oleh Malaysia Hindu Sangam (MHS) dengan sokongan Kerajaan menunjukkan terdapat kira-kira 2,277 kuil Hindu di seluruh Malaysia. Manakala sebanyak 749 kuil adalah kuil-kuil yang berdaftar melalui persatuan penganut masing-masing dengan Pendaftar Pertubuhan.

Bagi pembiayaan pula, sejak tahun 2009, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri di bawah Barisan Nasional telah memperuntukkan dana khas berjumlah RM43 juta untuk membaik pulih dan membina kira-kira 1,100 kuil-kuil Hindu dan tempat ibadat kaum India yang lain di seluruh negara.

Di samping itu, Kerajaan melalui Jawatankuasa Khas Kabinet Bagi Mengenal Pasti Dan Memantau Penyertaan Masyarakat India Di Dalam Program Dan Projek-Projek Kerajaan (CCIC) telah mengenalpasti sebanyak 15 buah krematorium untuk dibina di kawasan yang mempunyai kepadatan masyarakat India yang tinggi. Kawasan ini antaranya ialah Kapar, Teluk Kemang, Batu Kawan, Sg. Siput, Segamat dan sebagainya. Agensi kerajaan yang telah diberi mandat untuk menyelaras dan melaksana projek pembinaan krematorium ini adalah Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM).